



## JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN IRSYAD AL-FATWA

### **PERKARA: PEMURNIAN SISTEM PEMBIAYAAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH PATUH SYARIAH (UJRAH), SEKSYEN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH (SSPNK)**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti persoalan yang dikemukakan oleh Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK) mengenai Pemurnian Sistem Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah Patuh Syariah (*Ujrah*) dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Pada dasarnya, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah mengucapkan tahniah atas inisiatif pihak Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK) untuk mengaplikasikan konsep muamalah patuh syariah dalam skim pembiayaan pendidikan tersebut.
2. Setelah mendengar taklimat yang disampaikan oleh pihak SSPNK, Jawatankuasa Fatwa mencadangkan supaya skim ini dilaksanakan dalam bentuk konsep tolong menolong (تعاون) antara pihak kerajaan (ulil amri) dengan pelajar (penerima biaya) **iaitu jumlah bayaran balik pembiayaan pendidikan adalah sama dengan jumlah pembiayaan yang ditawarkan oleh SPPNK (sifar *Ujrah*)**. Konsep *ta'awun* ini juga turut dicadangkan kepada semua agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan pinjaman / pembiayaan pendidikan kepada para pelajar.
3. Konsep ini lebih menepati kehendak *Maqasid Syariyyah* bagi mengurangkan beban penerima biaya yang amat memerlukan pembiayaan tersebut serta lebih fokus kepada pengajian. Di samping itu, para penuntut ilmu juga merupakan aset yang amat berharga dalam masyarakat. Justeru, sewajarnya pihak kerajaan membantu golongan tersebut bagi memudahkan mereka mendalami ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman seterusnya menyumbang kepakaran masing-masing untuk pembangunan agama dan negara pada masa akan datang berdasarkan firman Allah SWT;

فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ.<sup>1</sup>

Maksudnya; Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.

3. Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah turut mencadangkan supaya **diwujudkan suatu Jawatankuasa / Panel Syariah yang berperanan menasihati pihak SPPNK dalam perkara berkaitan pembiayaan pendidikan patuh syariah.**

4. Selain itu, Jawatankuasa Fatwa turut memberi pandangan mengenai persoalan yang dikemukakan oleh SPPNK seperti berikut;

(a) Apakah jenis kos *Ujrah* yang bersesuaian dengan SPPNK iaitu sama ada Kos *Ujrah* berlandaskan jumlah RM350.00 setahun atau 1% setahun?

**Kos *ujrah* lebih bersesuaian mengikut jumlah tetap iaitu berjumlah RM 350.00 sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak SPPNK.**

(b) Bahawa caj *ta'widh* (kos pampasan) adalah bersesuaian untuk dikuatkuasakan ke atas penerima biaya yang gagal untuk membuat bayaran balik tanpa sebarang keuzuran atau kesulitan.

**Ya, caj *ta'widh* (kos pampasan) boleh dikuatkuasakan ke atas penerima biaya yang gagal membuat bayaran tanpa alasan yang munasabah sehingga pembiayaan selesai. Sekiranya penerima biaya tersebut meninggal dunia, maka wajib dilangsaikan baki pembiayaan tersebut kerana ia termasuk kategori hutang. Ini berdasarkan hadith Nabi SAW;**

— عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله ﷺ قال: **مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ... الخ**<sup>2</sup>

**Maksudnya: "Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda: Menanggung pembayaran (hutang) bagi orang yang mampu adalah suatu kezaliman."**

— عن أبي هريرة قال: قال رسول الله ﷺ: **نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدِينِهِ حَتَّى يُفْضَى عَنْهُ.**<sup>3</sup>

**Maksudnya: "Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda: Jiwa orang mukmin itu tergantung sehingga dilunaskan hutangnya."**

<sup>1</sup> التوبة : 122.

<sup>2</sup> متفق عليه.

<sup>3</sup> حديث رواية الترمذي (1078).

Bagi mengelak pihak kerajaan menanggung beban akibat penerima biaya gagal melunaskan baki bayaran balik pembiayaan kerana meninggal dunia, hilang upaya menyeluruh dan seumpamanya, maka Jawatankuasa Fatwa mencadangkan supaya pihak SPPNK menyediakan skim perlindungan (*Takaful Pendidikan*) bersekali dengan dokumen perjanjian Skim Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah.

Selain itu, *ta'widh* yang dilaksanakan ke atas penerima biaya juga tidak dikategorikan sebagai riba kerana ia hanya dikenakan sebagai hukuman / penalti kepada penerima biaya yang gagal melunaskan hutang dengan sengaja (tanpa sebab yang munasabah). Hal ini berbeza dengan konsep riba di mana ia adalah bayaran lebih daripada wang pokok (jumlah pembiayaan asal) mengikut perjanjian yang disyaratkan terlebih dahulu.

- (c) Bahawa caj *ta'widh* tidak akan dikuatkuasakan ke atas penerima biaya yang mengalami keuzuran seperti sakit kronik dan kesulitan seperti diberhentikan atau hilang pekerjaan.

Jawatankuasa Fatwa bersetuju supaya caj *ta'widh* dikecualikan kepada penerima biaya yang mengalami keuzuran berdasarkan firman Allah SWT;

– وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ.<sup>4</sup>

Maksudnya: *Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.*

– وَإِنْ تَعَفَوْا وَتَصَفَّحُوا وَتَغْفِرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ.<sup>5</sup>

Maksudnya: *dan jika kamu memaafkan dan tidak memarahi serta mengampuni (mereka) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

Kedua-dua ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan supaya berlemah lembut kepada orang yang berhutang dan gagal melunaskan hutangnya disebabkan keuzuran atau kesulitan yang tidak disengajakan. Oleh itu, dalam isu ini pihak pemberi hutang (SPPNK) harus melupuskan baki bayaran balik pembiayaan pendidikan bagi mereka yang gagal berbuat demikian disebabkan meninggal dunia, hilang upaya menyeluruh dan seumpamanya.

<sup>4</sup> Al Baqarah: 280.

<sup>5</sup> At-Taghabun: 14.

- (d) Bagi penerima biaya yang mengalami potongan gaji oleh majikan, adakah layak untuk diberi Penjadualan atau Penstrukturan Semula Bayaran Balik Pembiayaan dan boleh dikenakan caj *ta'widh* sekiranya gagal atau lewat membuat bayaran balik pembiayaan?

**Ya, pihak SPPNK boleh menyediakan Penjadualan atau Penstrukturan Semula Bayaran Balik Pembiayaan bagi mana-mana penerima biaya yang gagal atau lewat membuat bayaran balik pembiayaan.**

**(Rujuk jawapan bagi soalan b dan c)**

- (e) Pengurusan terimaan bayaran balik pembiayaan untuk caj *Ujrah*, adakah perlu caj *Ujrah* tersebut dikenakan bayaran zakat atau memadai sekiranya terimaan hasil daripada caj *Ujrah* tersebut digunakan untuk pengurusan pemberian biasiswa kepada pelajar sekolah menengah di Negeri Kedah dan pengurusan program motivasi untuk pelajar sekolah?

**Caj *ujrah* tidak dikenakan zakat kerana SPPNK mewakili pihak kerajaan Negeri Kedah dan kerajaan tidak wajib mengeluarkan zakat.**

- (f) Adakah memadai untuk pihak SPPNK menguruskan akad perjanjian pembiayaan di antara SPPNK dan penerima biaya (pelajar) dengan penawaran pembiayaan kepada penerima biaya dan penerimaan dokumen perjanjian pembiayaan yang lengkap daripada penerima biaya?

**Ya, SPPNK adalah suatu badan yang berautoriti mewakili pihak Kerajaan Negeri Kedah dalam menguruskan akad perjanjian pembiayaan di antara SPPNK dengan penerima biaya (pelajar).**

- (g) Pohon pandangan untuk cadangan nama produk pembiayaan bagi SPPNK misalnya Pembiayaan Pendidikan *Ijarah*.

**Jawatankuasa Fatwa berpandangan pihak SPPNK boleh menamakan produk pembiayaan pendidikan tersebut sebagai Skim Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah.**

Semoga pandangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah ini dapat membantu pihak SPPNK dalam melaksanakan skim pembiayaan pendidikan di Negeri Kedah yang menepati kehendak syariat.

حسبنا الله ونعم الوكيل ونعم المولى ونعم النصير.

Disahkan oleh;

  
**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,**  
DPSS., DSDK., AMK., BCK.  
Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

**Tarikh: 21 Mei 2023 bersamaan 1 Zulkaedah 1444.**